



Anwar melawat reruai kumpulan NSTP pada PBAKL 2025 di Kuala Lumpur, semalam. Kunjungan Perdana Menteri disambut Pengurus Pembangunan Perniagaan dan Projek Khas NSTP, Tengku Kaifi Mirza Tuan Cherit (tiga dari kiri) dan Pengarang Berita (Rencana) BH, Nazmi Yaakub (kiri). (Foto Aizuddin Saad/BH)

BERITA HARIAN 02 JUN 2025

m/j: 2

Inisiatif baucar buku diperluas kepada lebih 400,000 guru

Pendidik pikul peranan penting sebar ilmu, selain memupuk minat membaca

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi, Fahmy A Rosli dan Noor Hafizah Ahmad Jaafar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lebih 400,000 guru di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) akan menikmati agihan baucar buku tahun ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, baucar itu lanjutan usaha kerajaan membudayakan amalan membaca dalam kalangan rakyat, khususnya pelajar di sekolah dan universiti.

Beliau berkata, guru mempunyai tanggungjawab besar dalam menyebarkan ilmu, selain berperanan memupuk minat pelajar terhadap amalan membaca.

“Yang hadir bukan sekadar lihat buku tetapi ibu bapa, guru, terima kasih kerana bawa anak-anak. Tahun lalu kita bagi baucar. Tahun ini kita tak bagi kepada pelajar tapi kita bagi kepada guru pula.

“Ya, kita tengah perang tarif dengan (Presiden Amerika Syarikat) Donald Trump. Jadi kena baca, sama ada ekonomi kita bo-

leh dikukuhkan atau tidak. (Kita beri baucar kepada) semua guru, 400,000 orang,” katanya.

Beliau berkata demikian berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2025 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amiruddin Shaari dan Pengerusi Pengelola PBAKL, Mohd Khair Ngadiron.

Anwar yang juga Menteri Kewangan juga mengumumkan pemberian baucar buku kepada pelajar institusi pengajian tinggi masih diteruskan menggunakan peruntukan sedia ada di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Elak beli naskhah tak kualiti
Namun, Perdana Menteri mencadangkan garis panduan jelas mengenai pemberian baucar untuk mengelak pembelian naskhah tidak berkualiti.

Anwar berkata, generasi muda perlu menyemai budaya membaca sebagai usaha mencambah ilmu bagi mengelak mereka terdedah dan terpengaruh dengan kandungan dangkal serta penuh maki hamun di media sosial.

Katanya, amalan membaca masih belum menjadi budaya dalam negara ini, justeru usaha harus segera diterapkan, khususnya oleh ibu bapa kepada setiap anak mereka.

“Membaca masih belum men-

jadi budaya utama dalam negara kita. Ini agak melelahkan.

“MADANI itu berpaksi pada keyakinan dan kecintaan terhadap ilmu. Bagaimana kita boleh mencintai ilmu kalau tidak berteraskan ilmu sebenar.

“Sayangnya sekarang, kita baca empat ayat atau dengar celoteh dua minit di media sosial, terus buat keputusan. Yang bercakap hanya baca dua buku, yang mendengar hanya baca satu buku.

“Lihat saja polemik politik dan ekonomi di negara kita. Tak baca, hanya ikut sentimen, marah, benci. Hukum agama pun dijadikan gelanggang. Kalau tak setuju, dilabel munafik. Kalau setuju, dikatakan bodoh. Jadi, di mana asas ilmu dalam perbincangan itu?” katanya.

Ketika ditemui media selepas majlis itu, Anwar menjelaskan, KPT akan memutuskan kadar pemberian baucar buku tahun ini kepada semua penuntut di universiti.

Sementara itu, KPM dalam kenyataannya akan segera memperinci inisiatif pemberian baucar buku kepada guru atau Pegawai Perkhidmatan Pendidikan seperti diumumkan Perdana Menteri itu.

KPM memaklumkan inisiatif itu yang memberi manfaat kepada lebih 430,000 petugas akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Mengulas mengenai PBAKL, Anwar berkata, penganjuran kali ini berjaya menarik kehadiran lebih ramai berbanding sebelumnya, sekali gus memberi mesej positif terhadap sokongan masyarakat kepada budaya membaca.